UUM/DS49/UM/11.10.2005/P: 26(1)

Hasil penyelidikan mampu jana kekayaan UUM

UUM/11/10/05 26:1

ALOR STAR 10 Okt. – Hasil penyelidikan dan pembangunan oleh penyelidik Universiti Utara Malaysia (UUM) mampu menjana kekayaaan universiti itu dan sekali gus akan meletakkan ia setanding dengan institusi pengajian tinggi (IPT) lain di negara ini.

Menurut Naib Canselor UUM, Datuk Dr. Nordin Kardi, ini boleh dilaksanakan kerana penyelidikan universiti ini berpotensi untuk dipasarkan ke seluruh dunia jika penyelidik bijak menggunakan peluang yang ada.

Penyelidikan yang dihasilkan ini tidak semestinya menggunakan kos yang tinggi tetapi mampu menjana kekayaan ilmu pengetahuan dan ekonomi, katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis meraikan penyelidik yang berjaya sempena Pameran Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2005 di Bilik Senat, UUM di Sintok hari ini.

Beliau berkata, kita tidak harus berasa malu atau rendah diri dengan keupayaan dan kebolehan untuk menghasilkan sesuatu produk penyelidikan sebaliknya ia boleh berada di barisan hadapan bersama-sama IPT lain.

Oleh itu, kita perlu bersama-sama berganding bahu menghasilkan inovasi dalam penyelidikan di samping meningkatkan lagi bilangan produk penyelidikan di masa depan, ujar beliau lagi.

Selain itu, ujarnya, bagi merangsang peningkatan jumlah penyelidikan di universiti tersebut, Dr. Nordin turut berharap supaya UUM menyertai lebih banyak pertandingan pada masa akan datang tanpa memikirkan kemenangan.

Ini kerana, bagi beliau, tidak semua produk penyelidikan yang tidak berjaya meraih pingat dalam mana-mana pertandingan tidak dapat dipasarkan.

Majlis itu diadakan bertujuan untuk meraikan para penyelidik universiti tersebut yang telah mengambil bahagian dan berjaya meraih pingat dalam Pameran Penyelidikan dan Pembangunan IPTA 2005 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 30 September hingga 2 Oktober lalu.

UUM yang mengemukakan 20 produk penyelidikan telah berjaya meraih 13 anugerah iaitu satu emas, tiga perak dan sembilan gangsa.

Produk penyelidikan UUM yang memenangi pingat emas itu adalah bagi kategori usaha sama yang bertajuk *Info: A Model for Publishing and Marketing Publication* oleh Prof. Madya Dr. Norshuhada Shiratuddin, Prof. Madya Shahizan Hassan dan Syamsul Bahrin Zaibon dari Fakulti Teknologi Maklumat (FTM).

Bagi pingat perak pula, penyelidikan yang berjaya adalah dari kategori usahasama bertajuk *PEST Activity Prognosis in Rice Field Using Fussy Expert Approach* oleh Prof. Madya Fadzilah Siraj dan Nureize Arbaiy juga dari FTM.

Selain itu, kategori penemuan baru pula bertajuk *Fuzzy Expert Advisory for E-Counselling* oleh Prof. Madya Fadzilah Siraj dan Taniza Tajuddin dari FTM dan kategori berpotensi untuk dikomersilkan Prototaip Permodelan AUTOCAD kepada Persekitaran Maya dan Imej Fotografi oleh Zakirah Othman dari Fakulti Pengurusan Teknologi (FPT).

Pingat gangsa yang dimenangi pula ialah empat dari kategori berpotensi untuk dikomersilkan bagi produk antaranya bertajuk *Assisting Restorative Dentistry Learning and Training by Means of Web3D Solution* oleh Nur Fadziana Faisal Mohamed dari FPT.